

ENGINEERING COFFEE TABLE BOOK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5711-engineering-coffee-table-book

PETALING JAYA, 6 Dis 19 – Buat julung kalinya, Cawangan Kejuruteraan telah melancarkan Engineering Coffee Table Book (ECTB) bertempat di Tropicana Golf & Country Resort, Petaling Jaya, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh Asisten Ketua Staf Kejuruteraan, Mejar Jeneral Dato' Ir. Razali bin Abd Ghani TUDM.

ECTB merupakan sebuah kompilasi sejarah dan kejayaan Cawangan Kejuruteraan TUDM yang bertujuan sebagai pemangkin aspirasi dan motivasi kepada semua jurutera dan juruteknik TUDM agar terus menyumbang idea, pendapat, inovasi serta cadangan yang bernas dan rasional dalam memantapkan Cawangan Kejuruteraan ke arah kecemerlangan organisasi yang kredibel dan professional.

